

SIARAN AKHBAR

CIDB Malaysia Melancarkan Kempen #Skillspower Bagi Menarik Minat Bakat Muda Menyertai Sektor Pembinaan

Sintok, Kedah, 15 Mei 2017 – Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia, bersama dengan pusat penilaian dan bahagian latihannya, Akademi Binaan Malaysia (ABM), hari ini melancarkan kempen #SKILLSPOWER sebagai sebahagian daripada strategi untuk menambah bilangan tenaga kerja dalam sektor pembinaan.

Dengan membawakan tema '*Kompeten dan Holistik*', #SKILLSPOWER bertujuan menarik minat anak-anak muda Malaysia menyertai sektor pembinaan dengan meningkatkan profil industri ini sebagai pilihan kerjaya yang berpendapatan tinggi, mapan dan bermakna.

Pelancaran #SKILLSPOWER telah diadakan sempena Majlis Graduasi ABM Wilayah Utara yang ke-8 yang menyaksikan seramai 100 orang pekerja sektor pembinaan menamatkan Program Latihan Kecekapan Industri Pembinaan (CICTP) mereka.

Tetamu kehormat bagi majlis graduasi pada hari ini ialah **Dato' Seri Ahmad Bashah Bin Md. Hanipah, Menteri Besar Kedah** yang diwakili oleh **Dato' Haji Tajul Urus Bin Haji Mat Zain, Exco Kerajaan Negeri Kedah**. Turut hadir di majlis yang sama ialah **Dato' Sri Zohari Bin Haji Akob, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya**,

yang mewakili **Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof, Menteri Kerja Raya, Malaysia.**

“Ramai di kalangan rakyat Malaysia tidak memandang sektor pembinaan sebagai laluan ke arah kejayaan dalam kerjaya. Sebagai orang lama dalam industri pembinaan, saya menyeru anak-anak muda kita untuk menyertai sektor ini kerana ia bukan sahaja menyediakan kerjaya yang stabil dengan ganjaran tinggi malah memberi peluang kepada kita untuk mengambil bahagian dalam pembinaan negara. Sektor pembinaan sebenar telah lama berkembang secara konsisten dan memberi sumbangan yang besar kepada transformasi sosioekonomi Malaysia. Pada tahun 2016 sahaja, sektor pembinaan negara telah berkembang pada kadar 7.4% untuk membuktikan potensi pertumbuhannya,” kata **Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof, Menteri Kerja Raya**, dalam ucapan beliau yang dibacakan oleh **Dato' Sri Zohari Bin Haji Akob, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya**

“Kerajaan juga komited untuk meningkatkan lagi bilangan tenaga kerja mahir dalam sektor ini sebagai sebahagian daripada strategi untuk membangun dan mentransformasikan industri. Sejak 2015, Akta Lembaga Pembangunan Industri (Akta 520) telah mewajibkan kesemua penyelia tapak binaan dan pekerja binaan mahir di dalam tred yang berkaitan diakreditasi bagi memastikan pekerja industri pembinaan kita kompeten, produktif dan bermutu tinggi,” tambah **Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof** dalam ucapan beliau.

Sejak ditubuhkan oleh CIDB Malaysia pada 2010, ABM telah melatih seramai 205,710 pekerja pembinaan di bawah program CICTP. Daripada jumlah ini, seramai 165,950 orang adalah untuk program peningkatan kemahiran manakala 39,760 orang pula adalah para belia yang mahu menyertai sektor pembinaan. Di Kampus ABM Wilayah Utara sahaja, lebih 34,265 pelatih telah menamatkan program yang ditawarkan. 6,447 daripada mereka terdiri daripada para belia lepasan sekolah menengah atau kolej vokasional, dan 27,818 pula terdiri daripada mereka yang sekarang terlibat dalam sektor pembinaan.

Bagi memastikan pelatih didedahkan kepada pengalaman industri yang diperlukan selepas menamatkan program CICTP di ABM, CIDB Malaysia telah menjalin

kerjasama dengan para peserta industri untuk menempatkan para graduan bagi meneruskan kerjaya mereka. Sejak 2016, lebih 600 graduan telah mendapat peluang kerjaya dengan rakan-rakan industri. Selain itu, sejumlah 59 rakan industri telah terlibat dalam dialog dengan ABM bagi memastikan program-program yang ditawarkan di pusat latihan adalah sesuai dan relevan dengan keperluan semasa industri.

Untuk maklumat lanjut tentang #SKILLSPower, sila layari www.skillspower.my

#####

Tentang CIDB Malaysia

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Nor Baizura Abdul Rahaman	baizura@cidb.gov.my	+6019-618 2061
Nurul Hayati Khalil	nurul.hayati@cidb.gov.my	+6017-323 9295